



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

KENYATAAN MEDIA

KELULUSAN PERMOHONAN PERJAWATAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Putrajaya - Kerajaan Persekutuan telah mempertimbang dan meluluskan permohonan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mewujudkan 10,675 bilangan jawatan berdasarkan **keperluan fasiliti kesihatan KKM yang telah siap dan bakal beroperasi mulai 2019 hingga 2020.**

Keperluan pertambahan tersebut melibatkan perjawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan dan lain-lain jawatan di fasiliti baharu KKM melalui **kaedah penjajaran jawatan kosong dari semua kementerian.**

Sebagai permulaan, waran perjawatan yang mengandungi 385 perjawatan untuk Hospital Rembau, Negeri Sembilan telah diserahkan kepada YBhg. Dato' Seri Dr Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha KKM pada hari ini. **Jawatan ini merupakan sebahagian daripada 10,675 yang akan diagihkan secara berfasa.**

Kelulusan permohonan KKM ini mengambil kira untuk menambah baik kualiti perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Namun begitu, sektor - sektor perkhidmatan lain juga penting dan turut menyumbang kepada pembangunan negara. Justeru, penyelesaian isu perjawatan ini

perlu dilihat secara menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada satu kementerian sahaja.

Pada tahun lepas, pelaksanaan Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam yang telah diputuskan oleh Kerajaan menyasarkan pengurangan lima peratus daripada 1.7 juta perjawatan di sektor awam bagi tempoh tiga (3) tahun mulai dari tahun 2019 sehingga 2021. Ia adalah bertujuan untuk **mengoptimumkan penggunaan sumber manusia serta meningkatkan kecekapan produktiviti** dalam perkhidmatan awam.

#####

Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
2 Disember 2019

Maklumat Perhubungan

Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088

Emel : komunikasi@jpa.gov.my

No. Ruj.: JPA.100-9/1/2 (74)